

# Fanatisme hancurkan umat Islam — PM

Oleh ZAINI HASSAN

**K**UALA LUMPUR 2 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyeru umat Islam negara ini supaya menolak segala bentuk fanatisme termasuk ajaran yang menyesatkan sebaliknya kembali berpegang kepada ajaran Islam sebenar demi kekuatan ummah.

Perdana Menteri menegaskan di antara kelemahan orang Islam ialah mereka mudah terpengaruh dengan apa sahaja yang dibuat atas nama Islam, sehingga menjadi fanatik terhadap kepercayaan tersebut.

Mengikut sejarah Islam, kata beliau, telah berkali-kali permusuhan sesama Islam berlaku kerana fanatisme seperti ini.

“Orang yang fanatik tidak boleh berfikir seperti manusia yang siuman. Mereka tidak lagi dapat membezakan antara yang benar dengan yang tidak benar, antara yang baik dengan yang buruk.”

“Apabila mereka taksub dengan kepercayaan mereka, atau gerakan mereka atau pemimpin mereka, mereka akan mengikut

secara buta tuli. Apa sahaja yang dibuat oleh kumpulan mereka atau pemimpin mereka, mereka terima tanpa soal, tanpa fikir,” katanya dalam perutusan Hari Raya yang disiarkan secara langsung menerusi Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) malam ini.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menggesa umat Islam supaya menjalin perpaduan kaum dan persaudaraan Islam yang bermakna untuk meneruskan usaha memulih imej negara dan Islam yang masih di tahap yang awal.

“Pada Hari Raya Aidilfitri, hari kemenangan kita melawan nafsu, hendaklah kita orang Islam memperbaharui azam untuk berpegang kuat kepada ajaran Islam, terutama persaudaraan dalam Islam,” kata beliau.

Perdana Menteri berkata, orang Islam boleh menyalahkan orang lain dalam serba serbi tetapi selagi mereka menolak persaudaraan dalam Islam, selagi mereka begitu fanatik sehingga sang-

■ Lihat muka 2

# Fanatisme hancurkan umat Islam — PM

gup membunuh dalam masjid pada bulan Ramadan, selagi itulah mereka akan lemah dan akan dihina oleh musuh mereka dan selama itulah mereka akan melihat saudara seagama dengan mereka dibunuh, dihalau dan negara mereka dirampas.

“Alhamdulillah, di Malaysia, berkat kegigihan dan perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum, serta kewarasan dan kesederhanaan rakyat yang beragama Islam, kita tidak dilanda gejala fanatisme yang kita lihat di beberapa negara Islam lain,” kata beliau.

Beliau berkata, masyarakat Islam akan lebih ramai jika contoh perpaduan dan persaudaraan yang dicapai di Madinah 1400 tahun dahulu diamalkan oleh orang Islam sepanjang masa.

“Tetapi dalam sejarah Islam, kita dapati ramai yang membelakangkan persaudaraan dalam Islam dan akibatnya ramai orang Islam dan banyak negara Islam yang menjadi lemah dan dikuasai oleh musuh mereka,” kata beliau.

Beliau mengambil contoh penubuhan Gerakan Al-Muwahhidun di Maghribi oleh Muhammad Ibn Tumart pada abad ke-12 Masihi apabila pengaruh agamanya berkembang dan pengikutnya bukan sahaja bertambah tetapi semakin taksub dengan ajaran dan gerakan berkenaan.

Kata beliau, mereka taksub dengan ajaran Ibn Tumart sehingga mereka mendakwa dia Imam Mahdi yang kononnya akan mengembalikan umat Islam kepada ajaran yang benar sebelum kiamat yang mereka percayai hampir tiba.

“Kita tahu sekarang bahawa dunia tidak kiamat pada abad ke-12 atau ke-19. Tetapi pengikut yang menerima Ibn Tumart telah berperang membunuh ramai umat Islam di Maghribi dan Sepanyol kerana kononnya hendak menegakkan agama Islam,” kata beliau.

Dr. Mahathir berkata, selain daripada contoh itu, terdapat ramai orang Islam dalam sejarah yang menjadi fanatik, membentuk pelbagai gerakan dan tarikat yang hanya memecah-belah dan melemahkan umat Islam.

Perdana Menteri berkata, pada zaman ini juga terdapat fanatik Islam di beberapa negara di Afrika Utara dan Asia Barat yang giat membunuh orang Islam

lain kerana kononnya mereka ingin mendirikan negara Islam.

Beliau menegaskan bahawa sejarah telah membuktikan kejayaan puak fanatik hanyalah setakat melemahkan negara Islam.

“Jika mereka dapat menjatuhkan kerajaan sekalipun, pemerintahan mereka biasanya lebih kejam. Akhirnya mereka pula dijatuhkan... Demikianlah dengan puak Al Muwahhidun,” kata Dr. Mahathir.

Beliau juga mengambil contoh pergerakan Al-Arqam di Malaysia yang ditangani oleh kerajaan baru-baru ini. Gerakan ini pada mulanya tidak fanatik.

Tetapi, katanya apabila kepimpinannya berasa sudah begitu kuat pengaruhnya, maka bermulalah percubaan untuk membentuk ‘*personality cult*’ dengan mendewa-dewakan pemimpin mereka sebagai Imam Mahdi.

“Justeru itu kerajaan telah mengambil tindakan untuk merombak gerakan ini dan memulihkan pegangan pemimpin dan pengikut kepada ajaran Islam yang sebenar,” katanya.

Bagaimanapun, katanya sementara rakyat Malaysia umumnya menyokong tindakan kerajaan itu, media Barat pula mengecam kerajaan kerana kononnya tidak demokratik dan takut dikalahkan oleh Al-Arqam dalam pilihanraya.

Media Barat, katanya tahu tentang huru hara yang berlaku di negara-negara Islam yang mempunyai gerakan fanatik. Tetapi mereka sengaja menyokong gerakan itu.

“Apakah sokongan mereka kerana demokrasi atau untuk melihat satu lagi negara yang diperintah oleh orang Islam runtuh?” tanya beliau.

Beliau menegaskan bahawa fanatisme bukan cara Islam sambil berkata, Islam ialah agama yang sederhana yang menghargai akal fikiran.